

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO-LEUNG
[ALOR SETAR]

TARIKH : 26 OKTOBER 2016 (RABU)

SOALAN

Tuan Gooi Hsiao-Leung minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan butiran sebarang peruntukan/pinjaman Kerajaan Persekutuan yang telah diluluskan atau dalam pertimbangan tahun ini, untuk projek-projek menaik taraf atau membina loji-loji rawatan air bagi meningkatkan pengeluaran dan bekalan air di Kedah, dan sekiranya ada bilakah projek-projek tersebut akan dilaksanakan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Di bawah *Rolling Plan 1* RMKe-11 untuk tahun 2016, jumlah peruntukan keseluruhan projek bekalan air yang diluluskan untuk negeri Kedah berjumlah RM135.6 juta bagi pelaksanaan projek-projek berikut:
 - (i) naik taraf loji rawatan air (LRA) Kulim Hi-Tech dan Pinang Tunggal yang dengan kos keseluruhan sebanyak RM72.3 juta;
 - (i) pembinaan LRA Pokok Sena dengan kos keseluruhan sebanyak RM60.3 juta; dan
 - (ii) kajian Pembangunan Skim Bekalan Air Langkawi dengan kos keseluruhan RM3 juta.

2. Kesemua projek yang diluluskan adalah dalam peringkat pelaksanaan oleh Syarikat Air Darul Aman (SADA) dan pembiayaan projek adalah secara pinjaman memandangkan negeri Kedah masih belum menyertai skim penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air.
